

# Tidak perlu campur tangan urusan universiti

**Batu Pahat:** Pihak luar digesa tidak mencampuri urusan membabitkan semua universiti di negara ini termasuk tindakan tatatertib yang diambil terhadap pelajar yang melanggar peraturan universiti.

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor (JKNCR) Profesor Datuk Dr Kamarudin Hussin berkata, semua universiti diberi kebebasan mendidik pelajar masing-masing dengan cara yang terbaik dan bersesuaian.

Menurutnya yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), tindakan diambil pihak universiti berlandaskan undang-undang yang ditetapkan sama seperti dilakukan Ahli Jawatankuasa Tatatertib Pelajar Universiti Malaya (UM) baru-baru ini.

“Biarkan pihak universiti sendiri mendidik pelajarnya termasuk tindakan tatatertib bagi kesalahan yang dilakukan dan orang luar tidak perlu campur tangan sehingga menjadikan isu ini bahan



DR Kamarudin

politik,” katanya dalam sidang media selepas mempergerusikan Mesyuarat JKNCR Bilangan Ke-3 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Pengerusi JKNCR Profesor Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo merangkap Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Naib Canselor UTHM Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Dr Kamarudin mengulas mengenai Presiden Persatu-

an Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) Fahmi Zainol yang digantung pengajaran dua semester serta denda RM600 selepas didapati bersalah terbabit dalam himpunan sempena pidato Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 27 Oktober lalu.

Turut berdepan tindakan sama adalah Presiden Pro-Mahasiswa UM, Safwan Shamsuddin yang bersalah dalam dua daripada tiga pertuduhan dihadapi.